

Minat, Motivasi Dan Penerimaan Pelajar-Pelajar Politeknik Terhadap Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Dalam Talian (Pdpt) Yang Dilaksanakan Sepanjang Pandemic Covid-19.

Norapiah Binti Abd Rahman dan Nor Syahilia Binti Aris
Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
06000 Jitra, Kedah.
eeah7168@yahoo.com

Abstrak: Artikel ini membincangkan secara konseptual tentang minat, motivasi dan penerimaan pelajar-pelajar politeknik terhadap pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (PdPT) yang dilaksanakan sepanjang pandemik Covid 19. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif induktif dengan membuat semakan literatur secara kritikal dan membincangkan hubungkait antara minat dan motivasi dengan penerimaan berdasarkan *Theory of Acceptance Model* (TAM) yang diperkenalkan oleh Fred Davis pada tahun 1986. Pembolehubah utama yang digunakan dalam model ini ialah tanggapan terhadap faedah penggunaan (*perceive usefulness*) dan kemudahan penggunaan (*perceive ease of use*). Melalui kajian literatur yang dilakukan ternyata kebanyakan penyelidik terdahulu lebih tertumpu kepada hubungan antara sikap dan penerimaan pelajar terhadap teknologi. Namun penyelidik merasakan faktor minat dan motivasi turut mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap PdPT. Maka, kertas konsep ini cuba mengupas kepentingan minat dan motivasi pelajar itu didorong sebaik mungkin supaya sikap mereka terhadap pembelajaran atas talian dapat diubah.

Kata kunci: Minat, motivasi, sikap, penerimaan dan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (PdPT)

1.0 Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah menjadi isu kesihatan global dan memberi kesan besar kepada pendidikan bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Di peringkat pengajian tinggi tempatan, banyak garis panduan telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional lain untuk memberi fleksibiliti kepada institusi pengajian tinggi (IPT) agar pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dijalankan dengan lancar. Krisis pandemik Covid-19 lebih-lebih lagi ketika negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lepas menyaksikan bagaimana rakyat khususnya golongan murid, pelajar dan penuntut institusi pengajian tinggi terpaksa mengadaptasi normal baharu sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mahupun pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Oleh yang demikian, pada separuh semester kedua tahun akademik 2019/2020, kaedah pembelajaran telah disampaikan melalui pembelajaran jarak jauh secara dalam talian di semua politeknik Malaysia termasuklah POLIMAS (Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah). Keadaan ini berlarutan untuk sesi pengajian semester pertama tahun akademik 2021/2022 di mana para pelajar tidak perlu pulang ke kampus untuk mengikuti pengajian, sebaliknya mereka boleh terus kekal berada di rumah dan mengikuti pengajian secara jarak jauh dalam talian.

Menurut Pengerusi Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia (PTPM) Prof Madya Dr Mahizer Hamzah, pandemik Covid-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama. Berdasarkan situasi semasa hari ini golongan terlibat seperti murid, pelajar, penuntut universiti, tenaga pengajar serta ibu bapa sudah boleh menerima pembelajaran secara maya sebagai antara pendekatan yang boleh digunakan baik untuk PdPc mahupun PdP (Ahmad Naim dan Ihsan, 2020). Banyak kajian berkaitan pembelajaran dan pengajaran secara dalam



talian (PdPT) telah dijalankan. Kajian-kajian ini ada yang menunjukkan bahawa PdPT mempunyai banyak kelebihan dan ada yang mengatakan ia perlu dilakukan penambahbaikan agar mencapai tahap keberkesanan yang paling maksimum kepada pelajar.

Seringkali timbul rungutan dari tenaga pengajar di mana respon pelajar ketika sesi pembelajaran berlangsung amat tidak memuaskan. Malahan pensyarah mengumpamakan sesi pengajaran seperti “bercakap dengan dinding”, tiada respon langsung yang diperolehi apabila diajukan pertanyaan sehingga akhirnya terpaksa menjawab sendiri soalan tersebut. Pelajar juga tidak menunjukkan minat dengan PdPT sehingga acapkali sesi pembelajaran menjadi sehalu terutamanya kursus-kursus yang melibatkan teori. Pelajar juga didapati tidak melakukan persediaan sebelum memasuki kelas dan kurang fokus ketika pensyarah mengajar. Buktinya apabila pelajar diminta memberikan pendapat tentang isi pelajaran yang dipelajari pelajar hanya mendiamkan diri sahaja. Pelajar juga sukar untuk mengikuti sesi pengajaran atas talian dalam tempoh yang ditetapkan. Ini terbukti apabila terdapat segelintir pelajar yang gagal untuk menghadirkan diri sepenuh masa ketika kuliah sedang berlangsung dan ada yang langsung tidak hadir sehingga pensyarah terpaksa mengeluarkan surat amaran kerana peratusan kehadiran tidak mencukupi. Persoalannya adakah pelajar tidak berminat dengan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilalui sehingga sesi ini menjadi sehalu sahaja. Minat didapati memainkan peranan yang memberangsangkan pada fungsi kognitif. Menurut Alexander, Jetton, & Kulikowic (1995) dan Hidi (2000), penyelidikan mengenai motivasi berdasarkan minat menunjukkan bahawa minat mempunyai pengaruh yang kuat terhadap motivasi pelajar dan dalam meramalkan niat masa depan (Jessica Beidelman, 2015). Jika pelajar kurang berminat untuk mengikuti sesi PdPT ini, maka pelajar akan sukar untuk memahami subjek yang dipelajari dan ini boleh jadi penyumbang kepada kegagalan mereka untuk memperolehi keputusan yang cemerlang untuk subjek tersebut.

Perlu diketahui bahawa kelas maya tidak boleh menarik minat pelajar yang merupakan pelajar kinestetik. Pelajar “kinestetik” belajar dengan baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal dalam aktiviti bilik darjah. Mereka dapat mengingati sesuatu dengan baik apabila mencuba terus aktiviti melalui *hands-on*. (Azizi & Syazwani, 2010). Sosialisasi bilik darjah konvensional adalah satu lagi masalah utama dalam pembelajaran dalam talian. Pelajar hanya berkomunikasi dengan rakan mereka secara digital dan tidak pernah melihat rakan pelajar secara langsung, dan dengan itu perkongsian idea, pengetahuan dan maklumat secara langsung sebahagiannya hilang dari dunia pembelajaran digital (Britt, 2006). Pelaksanaan pembelajaran atas talian ini memerlukan pelajar membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Pelajar tidak boleh lagi menggunakan set pemikiran dahulu iaitu menunggu pensyarah untuk bercakap atau berkuliah baharu mula belajar (Muniroh et al., 2020). Komitmen pelajar boleh dikaitkan dengan sifat sendiri yang perlu ada pada seorang individu ketika terlibat dalam pembelajaran atas talian. Menurut Hazwani et. al (2016), pembelajaran atas talian atau e-learning adalah mod pembelajaran sepanjang hayat yang membolehkan pelajar mengawal aspek waktu dan tempat belajar. Sifat sendiri pelajar merupakan faktor paling signifikan yang menunjukkan peranan penting dalam keberkesananannya. Justeru amat perlu untuk pihak politeknik mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap PdPT kerana ianya mempunyai hubungan dengan minat dan pencapaian pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Mailizar et al., (2020), mencadangkan bahawa suara pelajar penting dalam isu ini, oleh itu, penyelidikan masa depan harus mengkaji pendapat pelajar terhadap pembelajaran dalam talian untuk mengenalpasti cabaran yang terpaksa

dihadapi oleh pelajar. Justeru, penyelidikan diperlukan untuk meneroka cabaran-cabaran dalam penggunaan e-pembelajaran yang menghalang pelajar untuk mencapai matlamat pembelajaran.

2.0 Kajian Literatur

Tinjauan literatur ringkas ini akan dibincangkan berdasarkan beberapa pandangan berkaitan PdPT/ PdPRT dan kaitannya dengan minat dan pemahaman pelajar serta keberkesannya.

2.1 Pengajaran Di Rumah Secara Dalam Talian (PdPRT).

Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Versi 2 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mendefinisikan pengajaran dan pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian secara berstruktur dan terancang. PdPR dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan pendaftar negeri. Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPRT) secara dalam talian berlaku apabila terdapat capaian Internet dan penggunaan peranti yang membolehkan pelajar belajar secara masa sebenar (real time). Guru boleh melaksanakan PdPRT melalui pelantar pembelajaran seperti Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), Cikgootube, EduWebTV dan aplikasi media sosial; atau aplikasi seperti Google Meet atau Microsoft Teams secara lintas langsung (live streaming); atau E-Permainan (gamification), video, klip audio, e-Buku dan rakaman atau tugas dalam talian.

2.2 Minat

Minat merupakan sumber motivasi seseorang yang mendorong mereka untuk melakukan sesuatu yang mereka inginkan. Dengan adanya minat, maka seseorang akan melakukan sesuatu dengan gembira. Aiken (1994) mengungkapkan definisi minat sebagai kesukaan terhadap kegiatan melebihi kegiatan lainnya. Ini berarti minat mempunyai hubungan dengan nilai-nilai yang membuat seseorang mempunyai pilihan dalam hidupnya (Anastasia dan Urbina, 1997). Walaupun penggunaan sehari-hari mungkin menunjukkan bahawa minat adalah perkara yang mudah seperti menyukai satu atau pelbagai jenis aktiviti atau perkara, kajian-kajian mengenai minat telah mendefinisikan minat secara lebih tepat sebagai keadaan psikologi dan kecenderungan untuk mengaktifkan semula kandungan disiplin tertentu dari masa ke masa (Hidi & Renninger, 2006; Renninger & Hidi, 2011). Menurut Sardiman (2009) minat adalah suatu keadaan yang berlaku ketika seseorang melihat ciri atau makna dari situasi yang berkaitan dengan keinginan atau keperluan mereka sendiri. Oleh itu, apa sahaja yang dilihat, pasti akan membangkitkan minatnya sehingga dilihat mempunyai hubungan antara diri sendiri dengan sesuatu di luar diri. Minat adalah kecenderungan jiwa seseorang terhadap objek, biasanya disertai dengan perasaan gembira kerana merasakan wujudnya minat terhadap sesuatu (A.Susanto, 2013). Dari definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa minat adalah sumber motivasi yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu yang mereka inginkan bila mereka bebas memilih.

Minat tidak wujud secara tiba-tiba atau spontan, tetapi sebagai hasil daripada penyertaan, pengalaman, tabiat belajar atau bekerja (Sardiman, 2004). Minat belajar juga dapat ditafsirkan sebagai kegembiraan, semangat, atau kesenangan dalam sesuatu. Minat terhadap pembelajaran

adalah salah satu faktor dalaman aspek psikologi yang sangat berpengaruh dan memainkan peranan penting dalam aktiviti proses pembelajaran dan perkembangan pembelajaran dan kejayaan pelajar (Zaenol Fajri et.al,2020). Minat terhadap pembelajaran adalah aspek psikologi yang mendorong proses pembelajaran yang mana ianya tidak timbul dengan sendirinya, tetapi dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang menyebabkan timbulnya minat untuk belajar dalam diri. Minat yang tinggi pada seseorang pelajar akan memudahkan proses pembelajaran. Justeru kajian ini ingin meninjau sama ada minat terhadap pembelajaran atas talian yang dijalankan dapat memotivasi pelajar untuk terus mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih berkesan.

Menurut Slameto (2010) minat mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembelajaran, kerana jika bahan pembelajaran tidak sesuai dengan minat pelajar, mereka tidak akan belajar dengan baik kerana tidak ada daya penarik (Rusmiati, 2017). Pelajar yang berminat dengan topik tertentu akan memberi lebih perhatian kepada topik tersebut dan terlibat secara kognitif di dalamnya. Pelajar yang berminat dengan apa yang mereka pelajari akan menunjukkan pencapaian akademik yang lebih tinggi dan lebih cenderung untuk mengingati isi pelajaran untuk jangka masa yang panjang (J.E Ormrod, 2008).

2.3 Motivasi

Motivasi merupakan sesuatu yang mendorong dan membantu seseorang untuk melakukan sesuatu perkara sama ada dalam keadaan sedar atau tidak sedar. Motivasi ini boleh dikaitkan dengan minat seseorang untuk melakukan sesuatu perkara secara berterusan ataupun tidak (Nuradibah & Hazlina, 2016). Motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* iaitu *to move*. Kamus Dewan mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorong untuk berusaha melakukan sesuatu tujuan bagi mencapai kejayaan (Kamus Dewan, 1991). Motivasi didefinisikan juga sebagai keadaan dalaman yang menggerakkan dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkahlaku. Ia merupakan keadaan yang menggerak dan mengawal tingkah laku ke arah pencapaian sesuatu matlamat (Ma'rof Redzuan & Haslinda, 2002). Motivasi boleh difahami sebagai suatu usaha gerakan tindakan atau tingkahlaku seseorang yang berorientasi kepada sesuatu matlamat yang disasarkan (Mariam & Zanariah, 2015).

Dalam konsep pendidikan, motivasi merupakan pendorong kepada pelajar untuk mempelajari dan menguasai sesuatu domain atau bidang. Menurut Hamzah B. Uno (2011), "Motivasi Pembelajaran adalah dorongan dalaman dan luaran kepada pelajar yang belajar untuk bertingkah laku, secara umum dengan beberapa petunjuk atau elemen sokongan. Petunjuk ini merangkumi: keinginan dan keinginan untuk berjaya, dorongan dan keperluan dalam pembelajaran, harapan dan aspirasi untuk masa depan, penghargaan dalam pembelajaran, dan persekitaran pembelajaran yang kondusif, yang mewujudkan aktiviti pembelajaran bagi memastikan kesinambungan aktiviti pembelajaran yang menjadi panduan kepada aktiviti pembelajaran supaya matlamat yang diinginkan dari subjek pembelajaran dapat dicapai. Pintrich (2003) pula berpendapat motivasi pelajar berkait rapat dengan keperluan pelajar dan bagaimana pelajar mendapatkan keperluan tersebut (Zaenol Fajri et.al 2021).

Menurut Usman (2008), motivasi belajar dipengaruhi oleh tiga komponen, iaitu (1)Kognitif dorongan, iaitu keperluan untuk mengenali, memahami, dan menyelesaikan masalah. Dorongan ini timbul dalam proses interaksi antara pelajar dan tugas/masalah. (2)Harga diri, iaitu pelajar tertentu yang rajin belajar dan menjalankan tugas bukan sahaja untuk menimba

ilmu atau kemahiran tetapi untuk mendapatkan status dan harga diri. (3)Keperluan gabungan, iaitu keperluan untuk menguasai bahan pembelajaran /pembelajaran untuk mendapatkan pengiktirafan daripada orang lain /rakan dan ini perlu dipisahkan daripada harga diri (Zaenol Fajri et.al 2021).

Kajian yang dilakukan oleh Abdul Aziz dan Aida Zuraina (2020) menunjukkan bahawa hubungan antara motivasi pelajar dan pembelajaran atas talian berada pada tahap tinggi (81.3%). Ini menunjukkan semakin tinggi tahap motivasi pelajar, maka secara langsung pelajar berminat untuk mengikuti pembelajaran atas talian. Justeru, motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting kerana ia akan memberikan kesan terhadap pencapaian dan hasil pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan mendorong dirinya dan mempunyai keazaman untuk terus mengikuti pembelajaran tanpa gagal. Pelajar – pelajar yang bermotivasi tinggi pada kebiasaannya akan memiliki dorongan yang kuat serta mantap untuk terus meminati apa yang dipelajari, hasil dari rangsangan menerusi insentif dan motif pembelajaran (Zaliza & Zaitul Azma, 2014; Abdul Aziz et.al, 2020).

2.4 Sikap terhadap pembelajaran atas talian.

Menurut Siragusa dan Dixon (2008) sikap pada dasarnya adalah merujuk kepada perasaan suka atau tidak suka kepada sesuatu perkara. Sikap adalah berkaitan dengan kepercayaan dan tingkah laku. Sikap akan membantu kita untuk mentafsirkan bagaimana kita melihat situasi serta menentukan bagaimana kita bersikap terhadap keadaan atau objek (Nur Fatin Ashikin et al., 2020). Sikap terhadap perlakuan merujuk kepada penilaian positif atau negatif seseorang terhadap perlakuan dan sikap pelajar terhadap teknologi dalam pembelajaran akan secara langsung mempengaruhi proses pembelajaran mereka. Justeru kajian ini akan meninjau secara langsung hubungan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dengan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian.

2.5 Penerimaan terhadap pembelajaran atas talian.

Beberapa perspektif teori telah mempengaruhi pembangunan instrumen tinjauan yang digunakan untuk menilai penerimaan terhadap teknologi baru. Memandangkan setiap kerangka teori berasal daripada kajian penerapan inovasi (Lee, et al., 2011), maka masing-masing mempunyai perspektif yang berbeza. Contohnya kajian Rogers (1983) ‘Penyebaran Teori Inovasi’ telah mencadangkan lima ciri inovasi sebagai: kelebihan relatif, keserasian, kompleksiti, kebolehpercayaan, dan pemerhatian. Moore dan Benbasat (1991) kemudiannya mengembangkan instrumen berdasarkan teori Roger dan menambah dua lagi konstruk iaitu kesukarelaan yang menjelaskan bahawa kebebasan memilih untuk menggunakan teknologi semestinya mempengaruhi kesediaan untuk mengadaptasi, dan imej yang ditakrifkan sebagai "tahap penggunaan inovasi dirasakan dapat meningkatkan imej atau status seseorang dalam sistem sosial” (Anchalee & Jonathan, 2016).

Model lain yang digunakan secara meluas untuk meninjau tahap penerimaan ialah *Theory of Acceptance Model* (TAM) iaitu satu teori yang cuba meramalkan niat seseorang untuk menerima dan menggunakan teknologi (Davis, Bagozzi, & Warshaw, 1989). Teori ini telah diperkenalkan oleh Fred Davis pada tahun 1986. Pembolehubah utama yang digunakan dalam model ini ialah tanggapan terhadap faedah penggunaan (*perceive usefulness*) dan kemudahan penggunaan (*perceive ease of use*), dan pengaruhnya ke atas sikap, kecenderungan dan perlakuan sebenar untuk menggunakan teknologi baharu. Prinsip asas dari model ini ialah



pengguna lebih cenderung untuk menggunakan sesuatu teknologi baru jika mereka merasakan ianya memudahkan kerja mereka dan mudah untuk digunakan (Anchalee & Jonathan, 2016). Pelajar mungkin menerima pembelajaran atas talian sekiranya mereka menganggapnya mudah dan serasi digunakan. Penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian dapat mengukur sejauh mana keberkesanan kaedah pengajaran ini diaplikasikan (Nur Fatin Ashikin et al., 2020).

2.5.1 Tanggapan Terhadap Faedah Penggunaan

Tanggapan terhadap faedah penggunaan bagi sesuatu teknologi merupakan elemen terpenting dalam model TAM (*Theory of Acceptance Model*). Teknologi di sini merujuk kepada alatan yang digunakan dalam proses pembelajaran atas talian ketika wabak pandemik Covid 19 sedang melanda. Tanggapan terhadap faedah penggunaan adalah tahap di mana pengguna sistem tertentu percaya bahawa penggunaannya boleh meningkatkan prestasi kerja atau pembelajaran berbanding kaedah alternatif (Liu et.al 2009). Ia juga mempengaruhi penerimaan atau penolakan seseorang terhadap teknologi tertentu. Berpandukan kepada teori TAM asal oleh Davis F.D (1986), tanggapan terhadap faedah penggunaan mempengaruhi sikap pengguna terhadap penggunaan dan kecenderungan untuk menggunakan teknologi (Mariaa & Artur, 2020). Tanggapan ini boleh diukur dari segi ekonomi, pengaruh sosial, kemudahan dan kepuasan pengguna. Dalam konteks penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian di waktu pandemik Covid 19 melanda, penyelidik akan menggunakan prinsip TAM ini untuk membangunkan hipotesis berkaitan.


2.5.2 Tanggapan Terhadap Kemudahan Penggunaan

Kemudahan penggunaan teknologi dianggap sebagai tahap di mana seseorang yang menggunakan mana-mana sistem, percaya bahawa ianya sangat mudah untuk digunakan (Esteban et.al, 2018). Menurut Masrom (2007), konsep TAM, kemudahan penggunaan teknologi yang dirasakan adalah salah satu peramal sikap pengguna terhadap teknologi, kecenderungan tingkah laku berikutnya dan penggunaan sebenar. Lee et.al, (2013) pula berpendapat apabila pengguna mempunyai persepsi yang positif terhadap kemudahan penggunaan dan kegunaan teknologi, mereka akan menggunakan teknologi baharu tanpa sebarang masalah (Mariaa & Artur, 2020). Menurut (Davis, 1986), tanggapan terhadap faedah dan kemudahan penggunaan mempengaruhi sikap pengguna ke arah penggunaan dan niat untuk menggunakan teknologi. Namun, sesetengah penyelidik yang menggunakan TAM untuk menganalisa teknologi e-pembelajaran telah menemukan hasil yang bertentangan. Dalam satu kes, kemudahan penggunaan bukanlah peramal yang baik bagi kecenderungan menggunakan sistem pengurusan pembelajaran; sebaliknya dalam kajian lain, ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap kedua-dua sikap pelajar terhadap penggunaan dan niat untuk menggunakan (Liu et.al, 2009). Menurut Menurut Adewole-odeshi (2014) terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap kemudahan penggunaan dan penerimaan dalam menggunakan sesuatu teknologi. Ini menimbulkan minat penyelidik untuk membangunkan hipotesis bagi menguji pendapat-pendapat tersebut.

3.0 Rangka Kerja Konseptual

Berpandukan kepada perbincangan teori-teori di atas penyelidik membangunkan rangka kerja konseptual dan hipotesis seperti berikut:

- H1: Terdapat perkaitan di antara faedah penggunaan dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran atas talian.
- H2: Terdapat perkaitan di antara kemudahan menggunakan dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran atas talian.
- H3: Minat mempunyai hubungan dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran atas talian.
- H4: Motivasi mempunyai hubungan dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran atas talian.
- H5: Sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian.



Rajah 1: Cadangan Rangka Kerja Konseptual

Pembolehubah bebas dalam kajian ini ialah faedah penggunaan (*perceive usefulness*), kemudahan menggunakan (*perceive ease of use*), minat dan motivasi. Penyelidik ingin mengetahui sama ada pembolehubah-pembolehubah tersebut mempunyai hubungan dengan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian (PdPT) yang juga merupakan pembolehubah bersandar kajian. Manakala sikap pula menjadi pembolehubah perantara.

4.0 Rekabentuk penyelidikan

Kajian yang akan digunakan adalah bersifat kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan penggunaan instrumen pengumpulan data berstruktur. Data-data akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0 dan analisis deskriptif dan inferensi akan digunakan bagi menguji hipotesis yang dibangunkan. Analisis korelasi akan digunakan untuk melihat hubungkait antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan sikap dan penerimaan pelajar terhadap PdPT.

5.0 Kesimpulan

Kertas konsep ini cuba memberikan pemahaman yang lebih baik tentang minat, motivasi dan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian yang dilaksanakan sepanjang pandemik Covid 19 ini. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Danial Afiq (2021) mendapati bahawa tingkah laku penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian telah dipengaruhi oleh

pembolehubah perantara iaitu sikap terhadap faedah dan kemudahan penggunaan. Penemuan terpenting kajian beliau ialah dorongan kepada kecenderungan individu untuk menerima teknologi sebagai platform baru pembelajaran. Kajian Dominikus (2016) mendapati bahawa pelajar yang memiliki potensi kreativiti yang tinggi akan mempunyai motivasi yang tinggi dan perkara ini menjelaskan bahawa motivasi akan mendorong pelajar untuk lebih tekun dan bersungguh dalam kerja atau tugas walaupun terdapat pelbagai halangan dan cabaran (Norfarahi Zulkifli et al., 2020). Minat yang menjadi sumber motivasi boleh mendorong pelajar untuk memberikan perhatian yang lebih besar terhadap subjek tertentu dan akhirnya meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Minat mempunyai pengaruh yang besar terhadap proses dan pencapaian hasil pembelajaran. Apabila kandungan pelajaran yang dipelajari tidak sesuai dengan minat pelajar, maka mereka tidak akan tertarik untuk belajar dengan sebaiknya. Apabila tidak ada daya penarik, ini mengakibatkan timbulnya keengganan belajar dalam diri pelajar dan rasa tidak puas hati. Berkemungkinan ini menjadi penyebab kepada wujudnya permasalahan-permasalahan yang dinyatakan di awal penulisan penyelidikan.

Melalui kajian literatur yang dilakukan ternyata kebanyakan penyelidik terdahulu lebih tertumpu kepada hubungan antara sikap dan penerimaan pelajar terhadap teknologi. Namun penyelidik merasakan faktor minat dan motivasi turut mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap PdPT. Maka, kertas konsep ini cuba mengupas betapa pentingnya sikap dan motivasi pelajar itu didorong sebaik mungkin supaya sikap mereka terhadap pembelajaran atas talian dapat diubah daripada pasif kepada aktif. Teknik dan medium pembelajaran atas talian memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan proses PdPT namun kandungan kursus juga perlu diubahsuai supaya selari dengan kaedah penyampaian secara atas talian. Ini kerana tidak semua kandungan kursus sesuai untuk dilaksanakan secara atas talian. Justeru, kajian ini akan bermanfaat sebagai rujukan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menguatkuasakan dasar pembelajaran di politeknik khususnya dan di Kementerian Pengajian Tinggi amnya.

Rujukan

- A.M, Sardiman. 2009. *Interaksi dan Motivasi Belajar Mengajar*, Jakarta: Rajagfindo Persada
- Abdul Aziz Ishak dan Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat (2020). Pembelajaran atas Talian: Tinjauan terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan* Vol. 2, No. 4, 68-82, 2020 . Diperolehi dari <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Adewole-odeshi, E. (2014). *Attitude of Students Towards E-learning in South- West Nigerian Universities: An Application of Technology Acceptance Model*, (January).
- Ahmad Naim dan Ihsan . (2020, April 19). *Berita Nasional*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>
- Ahmad, Susanto. (2013). *Teori Belajar dan Pembelajaran di Sekolah Dasar*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.



- Anastasi, Anne dan Urbina, Susana. 1997. Tes Psikologi (terjemahan). Jakarta: PT Prenhallindo.
- Anchalee Ngampornchai dan Jonathan Adams (2016). Students' acceptance and readiness for E-learning in Northeastern Thailand. *International Journal of Educational Technology in Higher Education* pg. 13- 34. Diperolehi dari Open Access (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)
- Azizi dan Syazwani, (2010, September 28). TEORI BERKAITAN GAYA PEMBELAJARAN DAN KAEDAH PENGAJARAN. *Education*, pp. 1-4. Diperolehi dari Universiti Teknologi Malaysia: <http://eprints.utm.my/id/eprint/10384/>
- Britt, R. (2006). Online education: A survey of faculty and students. *Radiologic Technology*, 77(3), 183- 190.
- Davis, F.D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13 (3), 319-340.
- Davis, F.D., Bagozzi, R.P., & Warshaw, P.R. (1989). User acceptance of computing technology: A comparison of two theoretical models. *Management Science*, 35, 982-1003.
- Hamzah Uno (2011). *Teori Motivasi Dan Pengukurannya : Analisis Di Bidang Pendidikan* (Cet. 14). Jakarta: Bumi Aksara.
- Hazwani Mohd Najib., Noor Raudhiah Abu Bakar., & Norziah Othman. (2016). E pembelajaran dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*
- Hidi, Suzanne. (2006). The Four-Phase Model of Interest Development. *Educational Psychologist*. 41. 111-127. 10.1207/s15326985ep4102_4.
<https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/32899478/>
- Jessica Beidelman. (2015, Ogos 12). *Transforming Learning*. Retrieved from The Education Partners: <http://blog.theeducationpartners.com/interest-based-learning>
- Kamus Dewan (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. (Hlm. 1044), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi. Diperolehi dari <http://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/> penerbitan /pppm - 2015-2025-pt/3-pelanpembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi
- Liu, Y., Han, S., & Li, H. (2010). Understanding the factors driving m-learning adoption: a literature review. *Campus-Wide Information Systems*, 27(4), pp. 210–226. Diperolehi dari <https://doi.org/10.1108/10650741011073761>
- Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2004). Psikologi. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill
- Mailizar, Almanthari, A., Maulina, S., & Bruce, S. (2020). Secondary school mathematics teachers' views on e-learning implementation barriers during the Covid-19 pandemic:



- The case of Indonesia. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 16(7), em1860.
- Mariam A.M dan Zanariah D. (2015, April). *Peranan Motivasi Terhadap Pembentukan Tingkahlaku Manusia*. Diperolehi dari ResearchGate:<https://www.researchgate.net/publication/340662069>
- Mariia Rizun and Artur Strzelecki (2020) Students' Acceptance of the COVID-19 Impact on Shifting Higher Education to Distance Learning in Poland. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17, 6468. Diperolehi dari
- Mohd Danial Afiq, Che Siti Lazrina Md Lazim dan Nur Diyana Binti Ismail (2021) Application Of Technology Acceptance Model (Tam) Towards Online Learning During Covid-19 Pandemic: Accounting Students Perspective. *International Journal of Business, Economics and Law*, Vol. 24, Issue 1 (April). Diperolehi dari :
<https://www.researchgate.net/publication/349214593>
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan dan Ch'ng Pei Eng (2020, September 11). *ADAPTASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA MAYA DALAM KEBIASAAN BAHARU SEMASA PANDEMIK COVID-19*. Diperolehi dari
<https://appspenang.uitm.edu.my/buletin%20jskm/2020-2/Articles/ADAPTASI%20PENGAJARAN%20DAN%20PEMBELAJARAN%20SECARA%20MAYA%20DALAM%20KEBIASAAN%20BAHARU%20SEMASA%20PANDEMIK%20COVID-19.pdf>
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak (2020) Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice Of Teachers & Teacher Education* (ISSN 2232-0458/ e-ISSN 2550-1771) Vol. 10, No. 1, June 2020, 77-94.
- Nur Fatim Ashikin et.al (2020). Hubungan antara Sikap dan Penerimaan Pelajar terhadap Amalan Pembelajaran atas Talian. *Research In Management Of Technology And Business* Vol. 1 No. 1 (2020) 104–113. Diperolehi dari
<http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb>
- Nuradibah Asbullah, Hazlina Abdul Halim (2016). MOTIVASI PELAJAR MOBILITI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA PERANCIS. *Jurnal Kesidang Jilid 1* , 86 - 101.
- Ormrod, J. E. (2008). *Human learning*. Upper Saddle River, N.J: Pearson/Merrill Prentice Hall.
- Renninger, K. & Hidi, Suzanne. (2011). Revisiting the Conceptualization, Measurement, and Generation of Interest. *Educational Psychologist*. 46. 168-184.
0.1080/00461520.2011.587723.
- Rusmiati. (2017). Pengaruh Minat Belajar Terhadap Prestasi Belajar Bidang Studi Ekonomi Siswa Ma Al Fattah Sumbermulyo. *Jurnal Ilmiah Pendidikan dan Ekonomi*, 21-36.
- Zaenol Fajri*, H. B. (2021). Student's Learning Motivation and Interest; The Effectiveness of Online Learning during COVID-19 Pandemic. *Journal of Physics: Conference Series*1899 012178, doi:10.1088/1742-6596/1899/1/012178.



Zaliza Mohamad Nasira dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014) 408 – 415, Elsevier Ltd. Diperolehi dari <http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).